

SOALAN NO. 4

YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie (Tanjong Papat) bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT, apakah perancangan kerajaan negeri untuk menambah dan mengekalkan pakar-pakar perubatan yang berkhidmat di Sabah khususnya di daerah Sandakan. JAWAPAN SOALAN NO. 4

Tuan Speaker,

Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat ADUN Tanjong Papat, Kementerian saya melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) memang sedar tentang keperluan untuk menambah pakar-pakar perubatan di Sabah termasuk di daerah Sandakan. Antara pakar-pakar perubatan yang memerlukan penambahan adalah seperti pakar jantung dan pakar pembedahan. Mengikut maklumat JKNS terdapat 11 daripada 24 hospital di Sabah yang akan terlibat dalam penambahan bilangan pakar perubatan. (Sila rujuk Lampiran 1)

— Berhubung dengan usaha mengekalkan pakar-pakar perubatan untuk berkhidmat di Sabah terutamanya di daerah Sandakan, Kementerian saya melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan pelbagai insentif seperti Bayaran Insentif Penempatan Pakar (BIPP) (maksimum RM2,500.00 mengikut gred) dan Elaun Perumahan Wilayah (EPW) (maksimum RM2,000 00 mengikut gred) untuk Sabah dan Sarawak di samping elaun pakar yang sedia ada untuk kesemua pakar perubatan yang terlibat.

Tuan Speaker,

Pada masa yang sama, doktor-doktor pakar juga diberi peluang untuk menjalankan khidmat kepakaran di fasiliti-fasiliti swasta mengikut ketetapan KKM.

Walau bagaimanapun, memang terdapat kesukaran untuk mengekalkan doktor-doktor pakar di hospital-hospital disebabkan oleh pelbagai faktor seperti komitmen keluarga yang berasal dari luar negeri Sabah.